



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1997**

---

**KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI  
BAGI PEGAWAI JAWATAN UTAMA 'A'  
DAN KE ATAS DAN GRED KHAS 'A'**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai kemudahan tambang percuma ke luar negeri bagi pegawai Jawatan Utama 'A' dan ke atas dan Gred Khas 'A'.

**PELAKSANAAN**

2. Kemudahan Tambang Percuma ke luar negeri kepada pegawai Jawatan Utama 'A' dan ke atas dan Gred Khas 'A' adalah seperti berikut-
  - 2.1. tambang ditetapkan tidak melebihi tambang penerbangan Kuala Lumpur ke

London pergi dan balik (KL/London/KL);

- 2.2. sekali dalam tempoh lima (5) tahun perkhidmatan;
- 2.3. tambang Kelas Satu (1) bagi pegawai dan seorang isteri; dan
- 2.4. tambang Kelas Ekonomi bagi tiga orang anak di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai.

## **SYARAT**

3. Syarat pelaksanaan adalah seperti berikut -

### **3.1. Had Tambang**

Had Tambang ialah tambang penerbangan KL/London/KL mengikut kelas penerbangan seperti di 2.3 dan 2.4 berasaskan kadar tambang semasa penerbangan yang ditetapkan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).

### **3.2. Tempoh Kemudahan**

Kemudahan hendaklah digunakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan atau selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas bersara wajib. Perlanjutan tempoh enam bulan ini tidak terpakai kepada pegawai yang bersara secara pilihan sendiri.

### **3.3. Waran Perjalanan Udara**

Bersesuaian dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 1984, Perakuan 4(i) dalam Lampiran 'A' yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, penempahan tiket hendaklah menggunakan Waran Perjalanan Udara.

#### **3.4. Kemudahan Isteri/Suami dan Anak**

Isteri/suami dan anak pegawai boleh menggunakan kemudahan ini secara persendirian tanpa disertai oleh pegawai.

#### **3.5. Pegawai Yang Memangku/Dipinjamkan/Ditukar Sementara**

Pegawai Yang Memangku/Dipinjamkan/Ditukar Sementara atas jawatan Jawatan Utama 'A' dan ke atas dan Gred Khas 'A' layak menikmati kemudahan ini.

#### **3.6. Pegawai Kontrak**

Pegawai Kontrak adalah tidak layak menerima kemudahan ini.

#### **3.7. Tanggungan Perbelanjaan**

Perbelanjaan bagi pesara hendaklah ditanggung oleh Jabatan terakhir di mana pegawai berkhidmat.

#### **3.8. Proses Permohonan**

Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui borang seperti di

[Lampiran A.](#)

## KAEDAH

4. Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut -

### 4.1. Perjalanan Lebih Jauh Dari KL/London/KL

4.1.1. Jika pegawai memilih perjalanan yang lebih jauh dari KL/London/KL, perbezaan tambang yang lebih daripada had tambang hendaklah dibayar oleh pegawai.

### 4.2. Perjalanan Lebih Dekat dari KL/London/KL

4.2.1. Jika pegawai memilih perjalanan yang lebih dekat dan bayaran pergi dan balik **kurang dari had tambang tetapi melebihi 50% daripadanya**, baki dalam bentuk wang tunai boleh dibayar kepada pegawai. Tambang perjalanan yang dimaksudkan adalah berdasarkan harga tambang yang diberikan oleh MAS. Contoh perkiraan adalah seperti di **(a)** dalam [Lampiran B](#).

4.2.2. Jika pegawai memilih perjalanan yang lebih dekat dan bayaran pergi dan balik **kurang daripada 50% had tambang**, pegawai boleh dibayar secara tunai sejumlah wang yang bersamaan dengan kadar tambang yang diberikan oleh MAS. Contoh perkiraan adalah seperti di **(b)** dalam [Lampiran B](#).

## TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 November 1997.

## PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini -

(i) perenggan 16, [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1980](#); dan

(ii) perenggan 16(b) dalam [Lampiran D7, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#)

adalah **dibatalkan**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

25 OKTOBER 1997.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**

**Borang Am JPA (Saraan)/TP/97**

**PERMOHONAN TAMBANG PERCUMA KE LUAR NEGERI**

(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1997)

1. Nama Penuh Pemohon : .....  
(huruf besar)
2. Skim Perkhidmatan : .....
3. Gred Jawatan (\*hakiki/memangku) : .....
4. Tarikh mulai memangku (jika berkenaan) : .....
5. Tarikh perlantikan : .....
6. Gaji sekarang : RM..... sebulan

7. Tempoh cuti bermula.....hingga.....

8. Ahli-ahli keluarga yang akan menyertai lawatan -

	<b>Nama</b>	<b>Pertalian</b>	<b>Tarikh Lahir</b>	<b>Jantina</b>
a)	.....	.....	.....	.....
b)	.....	.....	.....	.....
c)	.....	.....	.....	.....
d)	.....	.....	.....	.....

9. Jadual Perjalanan.....  
.....  
.....  
.....

10. Tambang diperlukan .....

Tarikh.....

.....

Tandatangan pemohon

-----

-

Untuk Kegunaan Pejabat

Permohonan \* dilulus/tidak dilulus.

Tarikh.....

.....

Tandatangan Ketua Jabatan

\* Potong yang tidak berkenaan.

-----

-

## **PROSES PERMOHONAN**

1. **Setiap permohonan yang telah diisi dengan lengkap dan sempurna hendaklah dilengkapi dengan perkara berikut-**
  - 1.1. Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap dan kemaskini untuk menentukan kelayakan pegawai;
  - 1.2. Kelulusan cuti rehat pegawai untuk tempoh lawatan yang dicadangkan; dan
  - 1.3. Salinan-salinan sah Kad Pengenalan dan Surat Nikah atau Surat Beranak bagi anak-anak yang layak untuk menyertai bersama.
  
2. Tindakan selepas kelulusan diberi adalah seperti berikut-
  - 2.1. Kelulusan dicatatkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan; dan
  - 2.2. Pegawai dikehendaki menyerahkan semua keratan tiket perjalanan sekembalinya dari perjalanan itu kepada Ketua Jabatan untuk semakan dan rekod.

CONTOH PERKIRAAN

(a) **TAMBANG LEBIH 50% DARIPADA TAMBANG KL/LONDON/KL**

(i) Had Tambang KL/London/KL = RM20,000.00

(ii) Tambang Sebenar (MAS) = RM15,000.00

-----

Wang Tunai boleh dibayar ialah (i)

RM 5,000.00

tolak (ii)

=====

(b) **TAMBANG KURANG 50% DARIPADA TAMBANG KL/LONDON/KL**

- (i) Had Tambang KL/London/KL = RM20,000.00
- (ii) Tambang Sebenar (MAS) = RM 4,000.00
- (iii) Wang Tunai boleh dibayar bersamaan (ii) = RM 4,000.00
- (iv) Baki tidak boleh dibayar [(i)]-[(ii)+(iii)] = RM12,000.00